

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KURSUS PENYELIA KANAN (KPK) SIRI 229/19

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4861-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-229-19



SUBANG, 23 Apr 19. Majlis Perasmian Pembukaan Kursus Penyelia Kanan (KPK) Siri 229/19 telah disempurnakan oleh Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, Pegawai Memerintah INSTAR bertempat di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR). Majlis turut dihadiri oleh pegawai dan jurulatih INSTAR.



Kursus Penyelia Kanan Siri 229/19 bermula pada 22 Apr 19 dan akan tamat pada 23 Mei 19 ini telah dihadiri seramai 120 orang pelatih. Pelatih terdiri daripada 108 lelaki dan 12 pelatih wanita dari pelbagai Tred di dalam TUDM. Kursus ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk melahirkan seorang PTTK yang berilmu, berupaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan sempurna sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkannya. Selain itu, kursus ini juga menjadi pra syarat untuk dinaikkan pangkat ke Pemangku Sarjan Udara.